



SYARAT-SYARAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2026 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

- 1.0 Hanya **pemilik harta** cukai taksiran MPAJ **dibenarkan** menyertai program cabutan bertuah. Pemilik harta yang merupakan **kakitangan MPAJ dan Ahli Majlis** adalah **dibenarkan** menyertai program ini. Pemilik harta yang telah mendapat pengecualian bayaran cukai taksiran di bawah **kategori rumah kos rendah dan kampung** adalah **tidak dibenarkan**.
- 2.0 **Alamat harta** hendaklah didaftarkan di **ICOMM web** atau **peranti pintar** bagi melayakkan menyertai program cabutan bertuah. Pendaftaran **boleh dilakukan sendiri** oleh **pemilik** atau didaftarkan sebagai akaun tambahan oleh **pemilik ICOMM** lain.
- 3.0 **Program cabutan bertuah** ini akan dilaksanakan bagi **bil cukai taksiran tahun 2026** sahaja. Majlis penyerahan hadiah Cabutan hadiah bertuah akan dibuat pada penghujung penggal pertama iaitu pada bulan Jun 2026.
- 4.0 Pemilik harta perlu menjelaskan bayaran **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ** bagi tempoh **SATU (1) tahun (2 penggal iaitu Jan - Jun dan Julai - Disember)** bagi tahun 2026 termasuk segala tunggakan serta caj yang dikenakan di dalam bil cukai taksiran MPAJ tersebut **sebelum tamat bulan Februari tahun 2026**.



SYARAT-SYARAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2026 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

- 5.0 Pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ bagi tempoh satu (1) tahun **selepas tempoh** yang ditetapkan adalah **tidak layak** diambil kira bagi tujuan cabutan bertuah tahun 2026
- 6.0 Proses cabutan pemenang cabutan bertuah 2026 akan dilaksanakan pada bulan Mac 2026. Keputusan hasil cabutan adalah muktamad.
- 7.0 Hadiah-hadiah yang disediakan bagi cabutan bertuah tahun 2026 adalah seperti yang dicadangkan namun pihak MPAJ berhak membuat pindaan ke atas jenis hadiah yang senilai dengan cadangan asal dari masa ke masa tanpa sebarang notis.
- 8.0 Hadiah cabutan bertuah hanya boleh dituntut oleh pemilik yang berjaya **sebelum berakhir bulan Januari tahun 2027** .
- 9.0 MPAJ berhak meminda sebahagian / sepenuhnya atau membatalkan syarat-syarat termasuk pelaksanaan Cabutan Bertuah 2026 jika terdapat halangan yang munasabah ke atas MPAJ untuk melaksanakannya.